



KENYATAAN MEDIA

JPPM KOMITED LAKSANA TANGGUNGJAWAB SELARAS PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

PUTRAJAYA, 20 Februari – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menyangkal dakwaan salah laku oleh Malaysian Indian People's Party (MIPP) berhubung keputusan JPPM mengenai isu dalaman organisasi itu.

Segala keputusan dibuat sepenuhnya mengikut peruntukan Akta Pertubuhan 1966, perlembagaan pertubuhan serta prosedur pentadbiran yang berkuat kuasa, perlembagaan pertubuhan berkaitan serta penelitian terhadap dokumen dan representasi yang dikemukakan.

JPPM tidak mempunyai kepentingan terhadap mana-mana parti politik atau pertubuhan berdaftar. Pertikaian dalaman adalah tanggungjawab pertubuhan berkenaan untuk diselesaikan mengikut perlembagaan masing-masing.

Sebarang tuduhan salah guna kuasa atau pengaruh tidak wajar adalah tidak berasas dan JPPM juga bersedia memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa sekiranya diperlukan.

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
20 Februari 2026

-TAMAT-